



**MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP**

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

17.12.2021

*Surat Berita MSWG, The Observer tidak akan disiarkan pada minggu hadapan. Penerbitannya akan disambung semula pada 31 Disember 2021.*

*Kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Natal kepada semua sahabat dan pembaca kami yang menganut agama Kristian. Semoga musim perayaan ini dilimpahi dengan kasih sayang, detik gembira dan bahagia bersama sahabat handai dan ahli keluarga.*

*Selamat Hari Natal.*

## ❖ Dorongan kepada momentum ESG apabila pertimbangan pelabur institusi melangkaui keuntungan

Tidak dinafikan lagi, selepas sektor sarung tangan dan perladangan, industri perkhidmatan pembuatan elektronik (electronics manufacturing services, EMS) kini menjadi medan percubaan terbaru untuk pelabur institusi di Malaysia mula bertindak dan menyuarakan kebimbangan mereka terhadap hal-hal yang berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (environmental, social and governance, ESG).

Tindakan ini secara idealnya menetapkan penanda aras yang signifikan untuk 2022, berkaitan cara kerja pengurus dana pada masa hadapan. Ini suatu arjakan yang besar, yang menyaksikan pengurus dana kini lebih mengutamakan elemen ESG berbanding faktor kewangan apabila membuat keputusan pelaburan mereka.

Pelabur institusi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah mengotakan kata-kata mereka apabila menyatakan mahu bekerjasama dengan syarikat penerima pelaburan yang lebih telus dari segi penzahiran data berkaitan ESG dan tidak hanya mempertimbangkan pulangan jangka pendek. Ini dapat dilaksanakan dengan memasukkan parameter kemampunan ke dalam petunjuk prestasi utama (key performance indicators, KPI) bagi syarikat penerima pelaburan berkenaan.

Berdepan tiga pemain EMS utama negara yang terpalit isu buruh paksa, dana persaraan itu pada 2 Disember telah melupuskan 21.67 juta saham V.S. Industry Berhad, sekaligus tidak lagi menjadi antara pemegang saham terbesar V.S Industry.

Di samping itu, Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) telah menjual 6.58 juta saham V.S Industry pada hari yang sama. Ini memburukkan lagi kejatuhan harga saham V.S. Industry yang mencecah paras terendah dalam tempoh 52 minggu pada 99.5 sen sebelum susut untuk ditutup pada RM1.15 pada 2 Disember. Sehingga 13

Disember, KWAP memegang 7.444% kepentingan langsung dan 1.496% kepentingan tidak langsung dalam V.S. Industry.

Secara kebetulan, jualan saham V.S. Industry secara besar-besaran oleh dana institusi berlaku pada hari yang sama aktivis hak pekerja asing iaitu Andy Hall yang merujuk kepada segelintir syarikat EMS tempatan, termasuk V.S. Industry, dalam taklimat pelabur yang menyentuh topik kebajikan pekerja asing di Malaysia.

### **Tindakan yang diambil**

Bagi membetulkan keadaan, V.S. Industry dengan pantas telah menghubungi Hall untuk mendapatkan penjelasan tentang keimbangan beliau yang dibangkitkan sewaktu taklimat pelabur.

Pada 6 Disember, dalam satu kenyataan media bersama V.S. Industry, Hall menjelaskan bahawa komennya sewaktu taklimat itu "tidak bermaksud untuk merujuk secara langsung kepada V.S. Industry yang tidak dapat menangani isu pekerja asing dalam syarikat tersebut"

Selain itu, beliau tidak berhasrat untuk memanjangkan lagi kempen awam terhadap mana-mana syarikat tertentu yang terbuka untuk mengadakan sesi dialog yang membina tentang hak pekerja asing. Ini disebabkan risiko publisiti yang wujud boleh mempengaruhi kesejahteraan semua pihak yang terlibat, terutama pekerja dan keluarga mereka. Beliau juga menekankan kepentingan untuk memastikan pekerja asing dapat meneruskan mata pencarian tanpa menjadikan kebajikan mereka.

"Ini bukanlah situasi yang ideal jika pada akhirnya, mana-mana pekerja, sama ada migran atau warga Malaysia, kehilangan pekerjaan disebabkan eksloitasi terhadap situasi yang boleh dan perlu ditangani," tambah beliau.

Pada masa yang sama, pihak pengurusan V.S. Industry telah bertindak untuk membendung situasi ini sebelum melarat. Pengurus dan pengarah eksekutif syarikat, Datuk Beh Kim Ling telah memperoleh 6.358 juta saham manakala anak-anak perempuan beliau secara kolektif telah memperoleh 1.6 juta saham antara 2 dan 8 Disember. Ini meningkatkan pegangan saham langsung dan tidak langsung Beh dalam V.S. Industry masing-masing kepada 7.277% dan 7.242%.

Kemudian, Pengarah Urusan V.S. Industry, Datuk Gan Sem Yam telah memperoleh 800,000 saham (kepentingan langsung) antara 7 dan 10 Disember. Sehingga 14 Disember, Gan sudah memiliki 4.389% kepentingan langsung dan 0.681% kepentingan tidak langsung dalam Syarikat.

Namun begitu, pelupusan 28.25 juta saham oleh KWSP dan KWAP mungkin disifatkan sebagai "bahagian yang terlalu besar", sehingga boleh mencetuskan gelombang kejutan yang berpotensi mencetuskan mentaliti kelompok dalam kalangan pelabur institusi lain (seterusnya mengheret kaunter ke paras lebih rendah).

### **Gelombang kejutan kepada pemain EMS yang lain**

Dalam perkembangan yang sama, satu lagi pemain EMS iaitu SKP Resources Bhd telah menghubungi Hall selepas beliau mendakwa menerima aduan daripada

pekerja SKP Resources berhubung kerja lebih masa yang melampau dan pembayaran yuran pengambilan pekerja.

Dalam satu kenyataan media bersama SKP Resources, Hall menyatakan kedua-dua pihak telah membincangkan isu yang dibangkitkan olehnya. Beliau yakin Syarikat akan menangani isu tersebut dan tetap terbuka untuk menangani cabaran lain yang mungkin timbul berkaitan pengurusan pekerja asing.

Walau bagaimanapun, SKP Resources tidak menghadapi tindak balas yang sama daripada pelabur institusinya. KWAP, yang merupakan salah satu pemegang saham utama SKP Resources, telah menjual 353,000 saham yang dipegang secara langsung dan 1.6 juta saham yang dipegang secara tidak langsung antara 2 hingga 8 Disember dan memperoleh 4.05 juta saham secara tidak langsung melalui pengurus dananya. KWAP memegang 7.47% kepentingan langsung dan 2.06% kepentingan tidak langsung dalam SKP Resources setakat 8 Disember.

Selain itu, pengurus eksekutif merangkap pengarah urusan SKP Resources, Datuk Gan Kim Huat telah memperoleh 1 juta saham dari pasaran terbuka pada 8 Disember, yang meningkatkan kepentingan langsung dan kepentingan tidak langsung beliau dalam syarikat itu, masing-masing kepada 4.53% dan 35.56%.

Pada 15 Disember, harga saham V.S. Industry telah pulih kepada RM1.27 manakala SKP Resources ditutup pada RM1.61.

Kami mengingatkan semula tentang jualan saham secara besar-besaran di kaunter EMS yang bermula dengan ATA IMS Berhad selepas ia mencatatkan kerugian bersih suku tahunan berjumlah RM11.17 juta untuk suku tahun kedua tahun kewangan 2022 serta penamatan kontrak oleh Dyson Ltd atas dakwaan penganiayaan terhadap pekerja asing.

Peristiwa ini secara kolektif telah menyebabkan harga saham ATA IMS merudum ke paras terendah dalam tempoh 52 minggu iaitu 38 sen pada 30 November sebelum disatukan pada julat harga semasa iaitu 70 sen.

### **Pemegang saham minoriti diingatkan supaya berwaspada**

Berdasarkan perkembangan ini, kami percaya ESG merupakan faktor penting yang akan dipertimbangkan dalam keputusan pelaburan pengurus dana pada masa hadapan. Kini, keuntungan bukanlah segala-galanya untuk pengurus dana. Mereka bersedia menerima keuntungan yang lebih rendah atau bahkan berdepan kerugian asalkan berjaya menekankan kepentingan ESG kepada pemain pasaran.

Memandangkan pengurus dana melabur dalam jumlah yang besar dalam saham syarikat Malaysia, keutamaan dan kecenderungan mereka pasti memberi kesan terhadap harga saham. Ini merupakan satu lagi pertimbangan yang perlu diambil perhatian oleh pemegang saham minoriti apabila membuat sebarang keputusan berkaitan pelaburan mereka.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

**Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 20 hingga 24 Disember 2021**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
20.12.21 (Isnin) 11.00 pagi	MLABS System Bhd (AGM)	Pendapatan MLABS meningkat 27% tahun ke tahun kepada RM10.58 juta pada tahun kewangan 2021 (tahun kewangan 2020: RM8.32 juta), sebahagian besarnya disumbangkan oleh operasi pendigitalan kolaboratif dan operasi fintech. Dengan keuntungan kasar yang lebih tinggi, Kumpulan mencatatkan kerugian sebelum cukai yang lebih rendah berjumlah RM15.95 juta (tahun kewangan 2020: RM26.01 juta). Walau bagaimanapun, pemegang saham perlu mengambil perhatian bahawa juruaudit Syarikat telah memberikan laporan bersyarat terhadap Penyata Kewangan Beraudit untuk tahun kewangan 2021.
21.12.21 (Selasa) 10.00 pagi	Parkson Holdings Bhd (EGM)	Mesyuarat agung luar biasa ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan untuk mengurangkan modal saham terbitan Syarikat sebanyak RM2.0 bilion, menurut Seksyen 116 Akta Syarikat 2016.
22.12.21 (Rabu) 09.30 pagi	MCE Holdings Bhd (AGM)	Pendapatan MCE meningkat 13.38% tahun ke tahun kepada RM84.82 juta (tahun kewangan 2020: RM74.81 juta) terutamanya disumbangkan oleh pengecualian cukai jualan ke atas kereta nasional yang mana meningkatkan permintaan untuk kereta

		<p>Proton dan Perodua. Kerugian bersihnya berjumlah RM0.83 juta untuk tahun kewangan 2021, 85.57% lebih rendah daripada kerugian bersih pada tahun sebelumnya iaitu RM5.79 juta.</p> <p>Syarikat menjangkakan prestasi kewangannya pada masa hadapan akan didorong oleh tempahan yang lebih mantap daripada pengeluar kereta nasional serta kontrak baharu yang diperoleh.</p>
22.12.21 (Rabu) 10.00 pagi	D'Nonce Technology Bhd (AGM)	<p>D'nonce mencatatkan prestasi kewangan yang kukuh pada tahun kewangan 2021 dengan keuntungan bersih paling tinggi pernah dicatatkan berjumlah RM13.8 juta berbanding RM0.73 juta untuk tempoh kewangan 16 bulan berakhir 30 April 2020. Ini didorong oleh peningkatan dalam permintaan untuk produk pembungkusannya daripada pemain dalam bidang penjagaan kesihatan serta peningkatan pesanan daripada pelanggannya dalam segmen elektrik dan elektronik (<i>electrical and electronics, E&amp;E</i>).</p> <p>Walau bagaimanapun, ia tidak membayar apa-apa dividen kepada para pemegang saham walaupun telah mengaut keuntungan sejak tahun kewangan 2017.</p>
22.12.21 (Rabu) 10.30 pagi	Yong Tai Bhd (EGM)	<p>Yong Tai Bhd telah mengutarakan cadangan untuk melaksanakan terbitan sehingga 180.0 juta saham keutamaan baharu boleh tukar boleh tebus (<i>redeemable convertible preference shares, RCPS</i>) pada harga terbitan RM1</p>

		setiap satu dan membuat pindaan ke atas perlembagaan syarikat bagi membolehkan penerbitan saham tersebut.
22.12.21 (Rabu) 10.30 pagi	RCE Capital Bhd (EGM)	Mesyuarat agung luar biasa ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan pengagihan 18.778 juta saham perbendaharaan berdasarkan satu saham perbendaharaan bagi setiap 20 saham RCE yang dipegang. Ia juga bertujuan mendapatkan kelulusan bagi cadangan terbitan bonus sehingga 360.25 juta saham berdasarkan 19 saham bonus bagi setiap 21 saham yang dipegang.
23.12.21 (Khamis) 10.00 pagi	Xidelang Holdings Ltd (AGM)	Buat julung-julung kalinya syarikat mengalami kerugian selepas cukai dalam tempoh lima tahun, berjumlah RMB34.6 juta pada tahun kewangan berakhir 2021. Pandemik Covid-19 telah menjelaskan jualan terutama daripada kedai fizikal. Oleh yang demikian, Syarikat akan lebih agresif memfokuskan kepada jualan dalam talian yang mana ini akan menentukan prestasinya untuk tahun kewangan berakhir 2022.
23.12.21 (Khamis) 10.00 pagi	Prolexus Bhd (AGM)	Syarikat terlalu bergantung kepada pekerja asing untuk mengendalikan operasinya terutama dalam perniagaan tekstil dan pakaian. Apabila Kerajaan memperketat syarat pengambilan pekerja asing, Syarikat perlu mencari jalan untuk mengatasi masalah ini. Salah satu cara adalah dengan menambah pelaburan dalam automasi kerana ini dapat mengurangkan penggunaan

		tenaga manusia seterusnya mengurangkan keperluan terhadap pekerja asing.
23.12.21 (Khamis) 10.00 pagi	Vitrox Corporation Bhd (EGM)	<p>Mesyuarat agung luar biasa ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk melaksanakan terbitan bonus serta cadangan penubuhan skim geran saham pekerja sehingga 5% daripada jumlah saham terbitan Vitrox.</p> <p>ia juga bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan pemberian opsyen daripada skim opsyen saham pekerja (<i>employee share option scheme, ESOS</i>) kepada pengarah bebas bukan eksekutif (<i>independent non-executive director, INED</i>) Mary Yeo Chew Yen, di bawah ESOS sedia ada yang diwujudkan pada 2014.</p> <p>Selaras dengan amalan tadbir urus yang lebih baik, MSWG tidak menggalakkan pemberian opsyen kepada INED kerana mereka tidak memainkan peranan eksekutif dalam Syarikat. Malah mereka yang sepatutnya bertanggungjawab memantau peruntukan opsyen kepada pekerja dan pengarah eksekutif.</p>

**Perkara penting untuk diketengahkan:**

Syarikat	Perkara/ Isu untuk diketengahkan
MLABS System Bhd (AGM)	Tetuan PKF telah menyatakan pendapat bersyarat mereka dalam Penyata Kewangan Beraudit Syarikat untuk tahun kewangan berakhir 2021. Pendapat bersyarat ini adalah berikutan Pelaburan dalam Coinful Capital Fund dan pengesahan bank. (Halaman 48, Laporan Tahunan 2021)

	<p>a) Apakah rasional Lembaga Pengarah meluluskan pelaburan dalam Coinful Capital Fund?</p> <p>b) Pelaburan tidak disebut harga - aset amanah pada nilai saksama melalui untung atau rugi menyusut kepada RM1.7 juta berbanding RM4.1 juta pada tahun kewangan berakhir 2020. (Nota 15, halaman 91, Laporan Tahunan 2021). Apakah yang menyebabkan penurunan yang ketara ini?</p> <p>c) Bagaimanakah Lembaga Pengarah mengurus risiko yang berkaitan pelaburan yang tidak disebut harga?</p>
MCE Holdings Bhd (AGM)	<p>Kemasukan ke dalam segmen motosikal elektrik melalui usaha sama yang ditandatangani pada 12 Oktober 2021 membuka jalan kepada MCE Group untuk meneroka bidang pemasangan. Ini termasuklah pembuatan komponen teras seperti pek bateri, internet kenderaan dan stesen pengecasan yang bakal menyediakan Kumpulan dengan aliran pendapatan baharu daripada segmen industri yang dijangka mempunyai potensi besar kerana masih dalam peringkat awal. (Halaman 39, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Adakah kilang pembuatan Kumpulan yang sedia ada mempunyai kapasiti untuk memenuhi keperluan pengeluaran komponen bagi segmen motosikal elektrik? Atau adakah usaha sama baharu ini memerlukan penambahan kilang?</p> <p>b) Berapakah anggaran perbelanjaan modal yang perlu ditanggung oleh Kumpulan untuk memulakan operasi pembuatan bagi segmen motosikal elektrik?</p> <p>c) Berapakah jangkaan sumbangan daripada segmen motosikal elektrik kepada pendapatan Kumpulan?</p>
D'Nonce Technology Bhd (AGM)	<p>1. Pada 10 September 2021, AT Systematization Berhad telah muncul sebagai pemegang saham pengawal dengan pegangan 21.67% yang diperoleh daripada Blackstream Investments Pte Ltd. Sehingga 10 Disember 2021, pegangan AT Systematization dalam D'nonce telah meningkat kepada 23.207%. Berikutan perubahan ini, ahli lembaga pengarah baharu telah dilantik manakala beberapa pengarah (termasuk Pengarah Eksekutif/ Ketua Pegawai Eksekutif) telah meletak jawatan.</p> <p>Peristiwa ini membawa perubahan besar kepada komposisi pemegang saham pengawal, lembaga pengarah dan pengurusan D'nonce dalam tempoh kurang tiga tahun.</p> <p>a) Adakah perubahan ini akan menjaskankan strategi dan hala tuju perniagaan D'nonce?</p> <p>b) Sewaktu D'nonce diterajui oleh Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif</p>

	<p>terdahulu, prestasi kewangan dan aliran tunai operasi syarikat menjadi bertambah baik. Bagaimanakah persediaan Lembaga Pengarah dan pengurusan semasa untuk mengikut jejak langkah, malah melangkaui prestasi lembaga pengarah dan pihak pengurusan sebelum ini?</p> <p>2. D'nonce tidak membayar dividen kepada pemegang saham walaupun telah mengaut keuntungan sejak tahun kewangan 2017. Adakah Lembaga akan mempertimbangkan untuk memberi ganjaran dividen kepada pemegang saham pada masa hadapan?</p>
Xidelang Holdings Ltd (AGM)	<p>Melihat perkembangan pesat trend e-dagang sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Syarikat telah memulakan strategi pemasaran daripada dalam talian kepada luar talian selepas berkomunikasi dan berkoordinasi dengan pengedar yang sah. Produk disenaraikan di pasaran dalam talian pihak ketiga yang beribu pejabat di China untuk meningkatkan kesedaran pasaran. Matlamat utama syarikat adalah untuk menarik pengguna supaya berkunjung ke kedai fizikal yang dilabelkan sebagai "kedai pengalaman". (Halaman 9, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Berapa peratus jualan dalam talian berbanding jumlah jualan keseluruhan untuk tahun kewangan berakhir 2021?  b) Apakah strategi Syarikat untuk meningkatkan lagi kehadirannya dalam talian?</p>
Prolexus Bhd (AGM)	<p>Syarikat amat bergantung kepada pekerja asing untuk mengendalikan kilangnya terutama dalam perniagaan pakaian dan tekstil.</p> <p>a) Berapakah nisbah pekerja asing kepada jumlah tenaga kerja syarikat pada tahun kewangan berakhir 2021?  b) Kerajaan sudah pun mengetatkan syarat-syarat pengambilan pekerja asing. Apakah langkah yang diambil oleh Syarikat untuk menangani masalah ini?</p>

### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))  
Linnert Hoo, Ketua, Penyelidikan & Pembangunan, ([linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my))  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))  
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))  
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ranjit.singh@mswg.org.my](mailto:ranjit.singh@mswg.org.my))  
Rita Foo, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))  
Nor Khalidah Mohd Khalil, Eksekutif, Pemantauan Korporat, ([khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my))

## **PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

---

## **PENOLAKAN TUNTUTAN**

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.